



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	ASAS KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS	:	ETR 2022
PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2022
MASA	:	2 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (40 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Yang manakah ciri-ciri kompetensi usahawan yang berjaya?
 - A Melepaskan peluang.
 - B Kurang keyakinan diri.
 - C Mempunyai liabiliti yang banyak.
 - D Komitmen terhadap perjanjian kerja.

2. Antara berikut, yang manakah merupakan kompetensi keusahawanan?
 - i. Inisiatif.
 - ii. Kecekalan.
 - iii. Keborosan.
 - iv. Melihat dan merebut peluang.
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C i,ii dan iii
 - D i,ii dan iv

3. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan kompetensi keusahawanan?
 - A Pengorbanan.
 - B Sentiasa bersaing.
 - C Melihat dan merebut peluang.
 - D Memberi cabaran kepada orang lain.

4. Apakah konsep keusahawanan menurut Islam?
 - A Berusaha mencari jalan penyelesaian masalah.
 - B Sensitif dan peka terhadap peluang persekitaran.
 - C Merangkumi aspek kehidupan di dunia dan di akhirat.
 - D Berupaya mengetuai sesuatu perniagaan atau industri.

5. Apakah yang dimaksudkan sebagai usahawan?
- A Memilih dan meneruskan peluang perniagaan.
 - B Usaha untuk mengaut keuntungan semata-mata.
 - C Berfikir untuk menyelesaikan masalah perniagaan.
 - D Mencari, mengenal dan merebut peluang perniagaan.
6. Antara berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri seorang usahawan?
- A Melibatkan diri untuk urusan jual beli.
 - B Berusaha mencipta barangan keluaran sendiri.
 - C Memperkenalkan barangan baru yang boleh menembusi pasaran.
 - D Merenung jauh ke hadapan dan sentiasa berfikir untuk meningkatkan kemajuan pada masa hadapan.
7. Tan Sri Tony Fernandes ialah ikon keusahawanan yang terkenal dalam bidang _____
- A peruncitan.
 - B kecantikan.
 - C penerbangan.
 - D industri makanan.
8. Yang manakah antara berikut **bukan** salah satu daripada mitos tentang keusahawanan?
- A Usahawan pelaksana bukan pemikir.
 - B Usahawan dibentuk bukan dilahirkan.
 - C Perkara yang diinginkan oleh usahawan ialah wang.
 - D Perkara yang diperlukan oleh usahawan hanyalah nasib.

9.

- Menjalinkan hubungan baik dengan pembekal
- Menarik pelaburan
- Menjamin kesinambungan perniagaan

Pernyataan 1

Pernyataan 1 merujuk kepada

- A definisi etika perniagaan.
- B kepentingan etika dalam perniagaan.
- C prinsip-prinsip etika dalam perniagaan.
- D prinsip-prinsip etika dalam perniagaan Islam.

10. Semua kenyataan berikut adalah betul **kecuali**

- A inovasi tidak menghasilkan produk baru.
- B kerja-kerja inovasi membolehkan kegunaan produk bertambah.
- C pemikiran kreatif menghasilkan penyelesaian kepada masalah sosial.
- D usaha kreativiti dan inovasi boleh mengurangkan kos bagi membolehkan manusia menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

11. Manakah antara berikut merupakan proses kreatif yang memerlukan masa yang lama?

- A Pengeraman.
- B Pengalaman idea.
- C Penilaian dan pelaksanaan.
- D Latar belakang pengumpulan maklumat.

12. Berikut ialah kaedah-kaedah menjana idea kreatif **kecuali**

- A verifikasi.
- B kumpulan fokus.
- C percambahan fikiran.
- D analisis masalah inventori.

13. Yang manakah **bukan** pernyataan mengenai kaedah analisis masalah inventori?
- A Menguji idea produk baru.
 - B Memperbanyakkan kombinasi idea.
 - C Menyediakan senarai nama produk.
 - D Digunakan oleh individu-individu dalam kumpulan fokus untuk menjana idea-idea baru.
14. Manakah susunan yang betul bagi proses yang melibatkan aspek mengenal pasti, menilai dan memilih peluang?
- i. Menganalisis faktor-faktor persekitaran.
 - ii. Mengetahui keperluan dan kehendak pengguna.
 - iii. Menilai pelbagai peluang perniagaan.
 - iv. Merangka rancangan perniagaan.
 - v. Memilih peluang perniagaan.
- A iii, i, ii, iv dan v.
 - B ii, i, iii, v dan iv.
 - C i, ii, iii, iv dan v.
 - D iv, i, iii, v dan ii.
15. Manakah antara berikut merupakan faktor persekitaran luaran yang digunakan dalam proses mengenal pasti, menilai dan memilih peluang?
- A Ilmu.
 - B Minat.
 - C Ekonomi.
 - D Pengalaman.
16. Manakah antara berikut **bukan** kemahiran dalam mengenal pasti sumber semasa memulakan sesuatu perniagaan?
- A Modal.
 - B Lokasi.
 - C Pengalaman.
 - D Sumber tenaga manusia.

17. Manakah antara berikut merupakan fungsi agensi MARA, MARDI, PSMB dan FAMA?

- A Bantuan kerajaan.
- B Bantuan kewangan.
- C Perniagaan francais.
- D Perkhidmatan sokongan.

18. Kenal pasti elemen-elemen yang terdapat dalam campuran pemasaran.

- i. Produk.
- ii. Harga.
- iii. Promosi.
- iv. Pengedaran.

- A i dan ii
- B iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

19. Manakah antara berikut merupakan strategi edaran bagi produk agar barangan yang ditawarkan sampai kepada pelanggan?

- i. Galakan jualan.
- ii. Jualan peribadi.
- iii. Penjualan melalui peruncit.
- iv. Penjualan melalui pemborong.

- A i dan ii
- B iii dan iv
- C ii, iii dan iv
- D i, ii, iii dan iv

20. Erika mendengar dan meneliti produk yang dipaparkan disalah satu saluran di TV. Dia amat tertarik dengan produk tersebut. Dia terus membuat panggilan telefon kepada penjual produk tersebut untuk membuat pesanan. Apakah jenis promosi tersebut?
- A Jualan terus.
 - B Pengiklanan.
 - C Hebahan publisiti.
 - D Promosi melalui televisyen.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a) Senaraikan perbezaan utama di antara usahawan dan peniaga.
(2 markah)
- b) Bincangkan **dua (2)** peranan utama usahawan dalam menyumbangkan idea dan pembaharuan kepada masyarakat.
(6 markah)

SOALAN 2

Ahmad merupakan seorang usahawan yang mengeluarkan pakaian. Beliau menjual pakaian secara dalam talian. Promosi jualan dan pengiklanan yang dibuat Ahmad menerangkan kelebihan produknya. Rahmat tertarik dengan produk beliau lalu terus membelinya secara dalam talian dan Rahmat kecewa setelah mendapati bahawa produk tersebut tidak seperti apa yang diiklankan. Berdasarkan situasi yang diberikan, bincangkan **dua (2)** prinsip etika yang sepatutnya diamalkan oleh Ahmad.

(6 markah)

SOALAN 3

Inovasi ialah satu cara berfikir untuk mencari kaedah menghasilkan sesuatu yang baru dalam pasaran yang akan mengubah persamaan antara permintaan dan pengeluaran sesuatu barang tersebut.

- a) Jelaskan **satu (1)** sumber dalam inovasi.
(2 markah)
- b) Pada pendapat anda, bagaimanakah jenis inovasi secara duplikasi terjadi?
(6 markah)

SOALAN 4

- a) Nyatakan **dua (2)** jenis syarikat di Malaysia yang telah anda pelajari.
(2 markah)
- b) Terangkan **satu (1)** perbezaan di antara perniagaan milikan tunggal dan perkongsian.
(2 markah)
- c) Jelaskan **satu (1)** kebaikan perniagaan perkongsian.
(2 markah)
- d) Bincangkan **dua (2)** batasan jika seseorang usahawan menjalankan perniagaan seorang diri.
(6 markah)

SOALAN 5

Bagaimanakah tanggapan dan nilai pelanggan digunakan semasa penetapan harga barangan?

(6 markah)

[40 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Buku Jawapan.

SOALAN 1

Cik Syazana telah menamatkan pengajian dari salah sebuah Universiti tempatan di selatan tanah air. Beliau masih tidak memperoleh sebarang pekerjaan selama hampir 10 bulan. Cik Syazana berhasrat ingin membuka perniagaan dalam industri pengeluaran sabun mandi herba di Mersing, Johor.

- a) Menyediakan Rancangan Perniagaan adalah sangat penting bagi memastikan perniagaan berdaya saing. Berikan **dua (2)** sasaran pembaca Rancangan Perniagaan.

(2 markah)

- b) Sebagai penasihat usahawan muda, anda dikehendaki membantu Cik Syazana untuk menentukan **lapan (8)** isu penting yang perlu diambil berat oleh seseorang usahawan sebelum memulakan perniagaan.

(8 markah)

SOALAN 2

Puan Syuhada ialah seorang guru. Pengalamannya dalam bidang pendidikan ini telah mencecah hampir 20 tahun. Namun, beliau telah membuat keputusan untuk berhenti mengajar dan menggunakan segala pengalaman serta minatnya itu untuk memulakan sebuah perniagaan iaitu membuka sebuah pusat tuisyen. Puan Syuhada ingin meminta pandangan anda. Berikan nasihat kepada Puan Syuhada agar beliau dapat merealisasikan impian untuk membuka perniagaan.

a) Kenal pasti pasaran sasaran bagi pusat tuisyen Puan Syuhada.

(2 markah)

b) Cadangkan **dua (2)** kaedah promosi yang paling sesuai yang boleh digunakan oleh Puan Syuhada untuk mempromosikan pusat tuisyen beliau dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelanggan.

(8 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

11

C

C